



Penganjur:

GreenTech Malaysia



Disokong oleh:



UN
environment programme

COBSEA
COORDINATING BODY ON THE SEAS OF EAST ASIA



PERTANDINGAN REKA CIPTA KOMIK PERINGKAT KEBANGSAAN

Tema: Bebaskan Lautan dari Plastik

1

RM500.00

2

RM300.00

3

RM150.00

KATEGORI SEKOLAH MENENGAH

1

RM300.00

2

RM200.00

3

RM100.00

KATEGORI SEKOLAH RENDAH

1

RM300.00

2

RM200.00

3

RM100.00

KATEGORI SEKOLAH PENDIDIKAN KHAS

SAGUHATI RM50.00 x 10 PENYERTAAN

Anugerah Khas (Sekolah yang menghantar penyertaan terbanyak): RM1000.00

Borang & Syarat Pertandingan boleh didapati di laman web: www.ypasm.my



Tarikh Tutup Pertandingan:
10 Mei 2021

MAKLUMAT LANJUT:
Urusetia Pertandingan Reka Cipta Komik
YAYASAN PENYELIDIKAN ANTARTIKA
SULTAN MIZAN
Tel : 03-2691 0651
Email: seacircular.cepa@gmail.com



KONSEP DAN FORMAT PERTANDINGAN

- i. Peserta dikehendaki mencipta komik berdasarkan tema yang ditetapkan. Kandungan komik hendaklah berkaitan dengan isu pencemaran marin oleh sisa plastik di Malaysia dan negara serantau.
- ii. Kartun boleh dilukis dengan menggunakan grafik komputer atau dengan lukisan tangan (*free hand drawing*) dan hendaklah diwarnakan.
- iii. Saiz komik adalah A5 dengan minimum EMPAT mukasurat (Tidak termasuk mukasurat hadapan). Muka surat hadapan hendaklah di isi dengan tajuk komik, nama peserta dan nama sekolah (sekiranya berkaitan)
- iv. Maksimum 3 ke 4 gambar boleh dimuatkan bagi satu-satu mukasurat.
- v. Skrip dialog hendaklah menarik dan ditulis dengan menggunakan Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris.
- vi. Kotak dan belon dialog hendaklah dilukis dengan jelas dan senang dibaca.
- vii. Tulisan hendaklah menggunakan jenis Calibri dengan saiz font 10.
- viii. Setiap helaian artwork dan layout dialog mempunyai nombor muka suratnya.
- ix. Bahan pertandingan dan surat akuanji perlu dihantar dalam format PDF dan dihantar ke alamat e-mel seacircular.cepa@gmail.com (Penyertaan yang menggunakan lukisan tangan hendaklah di imbas (*scan*) dan dihantar melalui e-mel).

SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

- i. Pertandingan ini adalah percuma dan terbuka kepada semua pelajar sekolah di seluruh Malaysia.
- ii. Pertandingan terbuka secara individu dan berkumpulan (Maksimum TIGA orang).
- iii. Peserta boleh menghantar lebih daripada satu penyertaan tetapi hanya berhak memenangi satu hadiah.
- iv. Penyertaan yang berkualiti dan menepati tema dan syarat sahaja akan diterima dan diberi sijil penyertaan.
- v. Bahan pertandingan akan dinilai melalui keaslian karya, ketepatan fakta, kreativiti, ketelitian, kandungan dan kesesuaian tema.
- vi. Penyertaan yang dihantar tidak akan dikembalikan dan segala penyertaan akan menjadi hak milik pihak pengajur.
- vii. Karya yang dihantar tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan atau disiarkan oleh mana-mana pihak.
- viii. Karya tidak mengandungi isu-isu sensitif yang boleh menggugat keharmonian agama, kaum, politik, masyarakat dan budaya di Malaysia.
- ix. Sekretariat dan ahli jawatan pengajur tidak dibenarkan terlibat dalam pertandingan ini.
- x. Keputusan Panel Juri adalah muktamad dan sebarang surat menyurat tidak akan dilayan.